

15 MAR 1996

Ulangtahun

PARTI PEMBANGKANG MELAYU SEBAGAI PEMERHATI SAMBUTAN UMNO KE-50

KOTA BAHARU, 15 Mac (Bernama) -- Parti pembangkang Melayu yang dijemput menghadiri perayaan ulangtahun ke-50 Umno Mei depan hanya diundang sebagai pemerhati, kata Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak di sini hari ini.

Mereka tidak akan dijemput untuk menyampaikan ucapan atau mengambil bahagian dalam sebarang perbincangan mengenai perkara berkaitan Umno, katanya kepada pemberita selepas perjumpaan dengan Umno Kelantan mengenai semakan daftar anggota di pejabat Umno Kelantan.

Beliau berkata semua parti pembangkang Melayu seperti Pas, Parti Melayu Semangat 46, Hamim dan Berjasa akan diundang menghadiri majlis bersejarah itu yang akan dirasmikan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Najib yang juga Menteri Pendidikan berkata walaupun sambutan itu dianjurkan oleh Umno beliau menganggap penyertaan parti pembangkang Melayu itu sebagai penting bagi mengingati sejarah perjuangan orang Melayu.

"Jika parti pembangkang Melayu tidak menghormati sambutan itu seolah-olah mereka cuba menafikan perjuangan Umno untuk membebaskan orang Melayu daripada belenggu penjajah," katanya.

Katanya semua parti pembangkang patut menerima hakikat peranan utama yang dimainkan Umno sejak dahulu lagi.

Mengenai cadangan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat supaya Pas mengadakan sambutan berasingan, Najib menyifatkan langkah itu seolah-olah tidak mengiktiraf perjuangan Umno.

Najib berkata sejarah negara tidak boleh diubah atau digantikan sebaliknya ia mesti dikekalkan sebagai pusaka generasi akan datang. --

BERNAMA

WM RON